

**TUNTUTAN ELAUN DAN BAYARAN UNTUK ISTERI/SUAMI PEGAWAI YANG DIKEHENDAKI
MENGIRINGI PEGAWAI BAGI MENGHADIRI MAJLIS-MAJLIS RASMI KERAJAAN MALAYSIA
WP 1.1/2013**

No	Perkara	Tanggungjawab
1.	Tuntutan Elaun Dan Bayaran Untuk Isteri/Suami Pegawai Yang Dikehendaki Mengiringi Pegawai Bagi Menghadiri Majlis-Majlis Rasmi KERAJAAN MALAYSIA	
1.1.	Tujuan	
1.1.1.	Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peruntukan bagi pegawai-pegawai yang dikehendaki menyertai lawatan rasmi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah dibenarkan menuntut elaun dan bayaran mengikut kelayakan pegawai semasa bertugas rasmi bagi pihak isteri/suami yang perlu mengiringi pegawai semasa melakukan lawatan rasmi.[Hanya Ketua Pengarah LGM yang layak menuntut]	Ketua Pengarah
1.2.	Latar Belakang	
1.2.1.	Pada masa ini, tuntutan-tuntutan elaun dan bayaran oleh pegawai yang menjalankan tugas rasmi adalah berdasarkan kepada peruntukan peruntukan di bawah Perintah Am Bab B. Walau bagaimanapun, Perintah Am tidak memperuntukkan apa-apa peraturan mengenai kelayakan isteri/suami pegawai bagi menuntut elaun-elaun dan bayaran mengikut kelayakan pegawai semasa mengiringi pegawai melakukan lawatan rasmi.	KSU
1.3.	Syarat-Syarat Menuntut Elaun Dan Bayaran	
1.3.1.	Pegawai-pegawai dibenarkan menuntut elaun dan bayaran mengikut kelayakan pegawai bagi pihak isteri/suami yang mengiringi pegawai semasa melakukan lawatan rasmi seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2013 atau pindaannya, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:[Hanya Ketua Pengarah LGM yang layak menuntut]	Ketua Pengarah
	a) Majlis/upacara rasmi yang diiktiraf bagi tujuan membenarkan tuntutan seperti ini adalah bagi menyertai lawatan rasmi diperingkat Persekutuan yang melibatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di peringkat Negeri yang	

No	Perkara	Tanggungjawab
	<p>melibatkan Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan/Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri- negeri/Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar/Ketua-Ketua Menteri; dan</p>	
b)	<p>Hanya Ketua Setiausaha Negara, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah (atau wakil masing-masing) yang dititah/diarah dan dikehendaki membawa isteri/suami bagi menyertai lawatan rasmi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah yang berkenaan, dibenarkan membuat tuntutan berkaitan dengan lawatan rasmi itu.[Hanya Ketua Pengarah LGM yang layak menuntut]</p>	Ketua Pengarah